



## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMANTAUAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLOM) DI PERINGKAT FAKULTI / PUSAT**

### **1.0 OBJEKTIF DAN FUNGSI**

Garis Panduan ini menggariskan tindakan untuk pelaksanaan pemantauan Hasil Pembelajaran Kursus (CLOM) di peringkat fakulti/ pusat yang perlu dilaksanakan oleh semua Ketua Jabatan pada setiap semester. Ia bertujuan memastikan:-

- 1.1 Ketua Jabatan mengenalpasti apakah punca masalah pencapaian CLOM kurang 70%;
- 1.2 Tindakan lanjut daripada fakulti dilaksanakan terhadap maklum balas yang diberikan oleh penyelaras kursus yang mendapat indeks CLOM kurang 70%;
- 1.3 Fakulti menghantar laporan pemantauan kepada Pusat Pembangunan Akademik (PPA);
- 1.4 Dapatan keseluruhan digunakan untuk pemantauan PdP bagi melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) program pengajian; dan
- 1.5 Dapatan dijadikan sebagai input kepada program peningkatan kompetensi dan profesionalisme pensyarah.

### **2.0 SKOP**

Garis panduan ini digunakan untuk semua pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan PdP program pengajian Universiti dalam semua mod pengajian (Diploma/Sarjana muda/Sarjana/EdD). Pemantauan hendaklah dilaksanakan terhadap semua pensyarah sekurang-kurangnya sekali setahun.

### **3.0 DEFINISI**

#### **3.1 Penyelaras Kursus**

Pensyarah yang ditugaskan untuk menyelaraskan sesuatu kursus bagi satu semester yang ditetapkan.

### **3.2 Ketua Jabatan**

Pegawai yang mengetuai sesebuah Jabatan/Pusat Tanggungjawab di peringkat Universiti.

### **3.3 Pusat Pembangunan Akademik (PPA)**

Pihak yang menganalisis dan melaporkan Indeks Hasil Pembelajaran Kursus (CLOM).

### **3.4 CQI**

*Continuous Quality Improvement* atau Penambahbaikan Kualiti Berterusan bagi Hasil Pembelajaran Kursus (CLOM).

### **3.5 CLOM**

*Course Learning Outcome Monitoring* atau Pemantauan Hasil Pembelajaran Kursus terhadap pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus yang didapati atau diperolehi daripada usaha atau kegiatan pada akhir sesuatu kursus yang meliputi perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikan terhadap pencapaian *Course Learning Outcome* (CLO) kursus tersebut.

### **3.6 Jawatankuasa Perancangan Akademik (JKPA)**

Mesyuarat yang diurusetiakan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) bagi membincangkan tentang hal ehwal pengurusan akademik di UPSI.

## **4.0 PROSES PEMANTAUAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLOM)**

- 4.1 PPA akan meminta maklum balas daripada fakulti/pusat berkenaan dengan pencapaian indeks CLOM.
- 4.2 Kursus yang mendapat indeks CLOM bawah 70%, penyelaras kursus perlu memberikan komen dalam sistem MySIS.
- 4.3 Ketua Jabatan akan memberi maklum balas terhadap komen Penyelaras Kursus dan mengenalpasti punca masalah pencapaian indeks CLOM kurang 70%.
- 4.4 Fakulti akan menghantar laporan pemantauan kepada PPA.
  
- 4.5 PPA akan menganalisis hasil laporan tindakan yang diambil oleh fakulti bagi semua

kursus bawah 70%.

- 4.6 Hasil laporan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik (JKPA).
- 4.7 Fakulti akan membuat pemantauan terhadap tindakan pembetulan oleh Penyelaras Kursus pada semester akan datang.

## 5.0 FORMAT LAPORAN PEMANTAUAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLOM)

**Nama Fakulti:**

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	KATEGORI											
			Dasar PdP	Kemudahan / Bahan PdP	Perihal Pelajar	Sistem CLOM	Strategi PdP	Kaedah Pentaksiran	Struktur /Saiz Kelas	Bahan Rujukan	Pemantauan/ Maklum Balas	Pensyarah	Bahasa	SLT

## 6.0 CONTOH KAEDAH MENGANALISIS MAKLUM BALAS CLOM:

- Maklum balas Ketua Jabatan dari Sistem CLOM

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Indeks CLOM	Maklum balas Penyelaras
1	A	Penyelaras	65 %	<p>Keputusan menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai LO3 (8.1/25). Ini menunjukkan sebahagian besar pelajar tidak berupaya untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan model matematik.</p> <p>Keputusan ini sudah dijangka kerana majoriti pelajar yang mengambil kursus A pada semester ini mempunyai tahap kemahiran matematik yang rendah (kebanyakannya adalah lepasan diploma termasuk lepasan kolej vokasional).</p> <p>Usaha telah dilakukan dengan menggalakkan pelajar membuat latih tubi dan berjumpa dengan pensyarah untuk sesi perundingan namun hanya sebilangan kecil yang telah berbuat demikian. Cadangan penambahbaikan untuk semester berikutnya:</p> <p>1) menambahbaik modul sedia ada dengan memberi penekanan kepada operasi asas matematik. Pelajar yang boleh menguasai operasi asas matematik berupaya untuk memilih operasi yang bersesuaian untuk penyelesaian masalah.</p>

				2) membuat ujian saringan matematik dan mengasingkan kumpulan pelajar mengikut kebolehan. Ini akan memudahkan pensyarah untuk merancang aktiviti yang bersesuaian dengan tahap kemahiran pelajar.
2	B			<p><i>Social psychology is a relatable subject. Unfortunately, students are required to memorize a lot of terminologies. For next semester, as part of the assessment, I am planning to divide students into a few groups.</i></p> <p><i>Each group will be assigned to prepare comprehensive notes for each chapter (esp those that will be in midterm and final exam). Eventually, they will also need to prepare a presentation and share it with the whole class. If necessary, a short quiz might be in order. However, it will not be part of the assessment.</i></p>

- Ketua Jabatan mengisi Format Laporan Pemantauan Hasil Pembelajaran Kursus (CLOM) berdasarkan maklum balas dari sistem CLOM

Bil	Kod	Dasar PdP	Kemudahan / Bahan PdP	Perihal Pelajar	Sistem CLOM / LO	Strategi PdP	Kaedah Pentaksiran	Struktur / Saiz Kelas	Bahan Rujukan	Pemantauan /Maklum Balas	Pensyarah	Bahasa	SLT
1	A			/		/							
2	B					/	/	/					

**5.**